57

Tiga Graduate School Baru di UUM
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 September 2010 12:38
Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 SEPTEMBER 2010 / 17 SYAWAL 1431H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Tiga Graduate School Baru di UUM

Oleh: Nor Azizah Din
Gambar:

UUM ONLINE: Bagi mengenang jasa, khidmat dan bakti, kini nama tiga tokoh termasuk dua mantan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diabadikan namanya di tiga Sekolah Pengajian Siswazah (*Graduate School*) di universiti ini.

Penubuhan tiga Sekolah Pengajian Siswazah itu merupakan sebahagian daripada Pelan Tranformasi dan Hala Tuju UUM 2010 hingga 2020 bagi memantapkan struktur dan meningkatkan kualiti pengajian serta penyelidikan universiti ini.